



26 Februari 2021 - New York City | Salt Lake City  
Siaran Berita

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

# Latter-day Saint Charities Menyumbangkan AS\$20 Juta dalam Menyokong Usaha COVID-19 UNICEF Global

**Latter-day Saint Charities** menjadi penyumbang tunggal sektor swasta terbesar setakat ini dalam menyokong usaha ACT Accelerator dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COVAX UNICEF)

Latter-day Saint Charities, sebuah perbadanan kemanusiaan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, hari ini mengumumkan pemberian AS\$ 20 juta untuk menyokong usaha global UNICEF dan [Akses kepada Alat Bantuan COVID-19 \(ACT\)](#)

Accelerator serta kumpulan vaksin ACT Accelerator yang disebut Kemudahan COVAX.


Pemberian ini melengkapi sumbangan AS\$ 3 juta oleh Gereja pada tahun 2020 untuk kemudahan COVID-19 UNICEF, yang menyediakan perkhidmatan air, sanitasi dan kebersihan.





Pakar Kesihatan UNICEF Dr. Felix Osei-Sarpong bergambar semasa ketibaan penghantaran pertama vaksin COVID-19 yang diedarkan oleh Kemudahan COVAX di Lapangan Terbang Antarabangsa Kotoka di Accra, Ghana, pada 24 Februari 2021. UNICEF/UN0421540/Kofi Acquah





Muat turun Gambar

Pemberian baharu ini akan menyumbang kepada usaha bersejarah UNICEF dalam memimpin pemerolehan dan pembekalan 2 bilion vaksin COVID-19 kepada sekitar 196 buah negara dan ekonomi yang mengambil bahagian dalam COVAX

pada akhir 2021. 2 bilion dos awal bertujuan untuk melindungi kakitangan barisan hadapan dan kakitangan sosial, serta individu yang berisiko tinggi dan terdedah.

Sumbangan itu akan menyokong UNICEF atas kerjasamanya dengan negara-negara untuk memperkuat rantai kedinginan dan bekalannya, melatih kakitangan kesihatan, menangani maklumat yang salah, dan membangunkan kepercayaan terhadap vaksin dan terhadap sistem kesihatan yang menyediakannya.

“Kami berharap kemurahan hati [Latter-day Saint Charities] memberi inspirasi kepada organisasi, perniagaan dan individu lain untuk membantu kami memastikan akses yang adil bagi vaksin COVID-19.” —Henrietta Fore, pengarah eksekutif UNICEF

“COVID-19 adalah krisis global pertama yang pernah kita lihat dalam kehidupan kita. Tidak kira di mana kita tinggal, pandemik ini menimpa setiap orang, termasuklah kanak-kanak. Tidak pernah ada keperluan yang lebih mendesak untuk bekerjasama. Pemberian untuk peranan penting kami dalam COVAX, dari Latter-day Saint Charities ini, adalah sumbangan tunggal terbesar dari rakan sektor swasta yang kami terima setakat ini,” kata Henrietta Fore, pengarah eksekutif UNICEF. “Kami berharap kemurahan hati mereka memberi inspirasi kepada organisasi, perniagaan dan individu lain untuk membantu kami dalam memastikan akses yang adil bagi vaksin COVID-19.”

Melalui Kemudahan COVAX — bersama dengan Pakatan Vaksin Global (Gavi), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Gabungan Inovasi Persediaan Wabak (CEPI) — UNICEF memanfaatkan pengalamannya dalam pemerolehan dan

penghantaran vaksin, dan kekuatan serta jangkauannya dalam penglibatan masyarakat, untuk membangun permintaan dan penerimaan vaksin. Usaha itu bertujuan untuk mempercepat pengakhiran pandemik dan meminimumkan gangguan terhadap kehidupan kanak-kanak dengan melindungi kakitangan kesihatan dan kakitangan sosial di seluruh dunia, termasuk para pendidik dan pengasuh utama.

“Kami mengucapkan terima kasih kepada pasukan dan organisasi UNICEF. Mereka telah melakukan banyak untuk menjaga kanak-kanak dan keluarga dan membantu mereka memenuhi keperluan asas dan memenuhi potensi mereka,” kata Uskup Gérald Caussé, Uskup Utama Gereja. “Semakin banyak orang dewasa dalam komuniti yang terdedah diberi vaksin, perkhidmatan kesihatan, pemakanan dan pendidikan yang kritikal untuk kanak-kanak yang memerlukan akan dapat kembali dijalankan. Kami menyimpan harapan bukan hanya untuk mengatasi pandemik ini, tetapi juga melihat masa depan yang lebih cerah bagi semua kanak-kanak dan keluarga mereka.”

Latter-day Saint Charities dan UNICEF AS menjalin kerjasama pada tahun 2013, bekerjasama untuk menyokong kanak-kanak dan keluarga mereka dalam bidang imunisasi, tindak balas kecemasan, dan keperluan pendidikan serta pembangunan pelarian.

### **Tentang UNICEF**

UNICEF bekerja di beberapa tempat paling sukar di dunia untuk menjangkau kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Di 190 negara dan wilayah, kami berusaha untuk setiap kanak-kanak, di mana sahaja, untuk membina dunia yang lebih baik untuk semua orang. Untuk maklumat lebih lanjut tentang UNICEF dan usahanya untuk kanak-kanak, layari [www.unicef.org](http://www.unicef.org). Untuk maklumat lanjut

tentang COVID-19, layari [www.unicef.org/coronavirus](http://www.unicef.org/coronavirus). Ketahui lebih lanjut tentang usaha UNICEF mengenai vaksin COVID-19 [di sini](#), atau tentang usaha UNICEF mengenai imunisasi [di sini](#). Ikuti UNICEF di [Twitter](#) dan [Facebook](#).

### **Tentang Kemudahan COVAX**

COVAX adalah tonggak vaksin [Akses kepada Alat Bantuan COVID-19 \(ACT\) Accelerator](#), sebuah kolaborasi global yang inovatif untuk mempercepat penghasilan, pengeluaran dan akses yang adil ke atas ujian, rawatan dan vaksin COVID-19. COVAX dikendalikan bersama Pakatan Vaksin Global (Gavi), Gabungan Inovasi Persediaan Wabak (CEPI) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Tujuannya adalah untuk mempercepat penghasilan dan pembuatan vaksin COVID-19 dan menjamin akses yang adil dan saksama untuk setiap negara di dunia. UNICEF, bekerjasama dengan [PAHO Revolving Fund](#), [memimpin usaha](#) untuk mendapatkan dan membekalkan dos vaksin COVID-19 bagi pihak Kemudahan COVAX.

### **Tentang Latter-day Saint Charities**

[Latter-day Saint Charities](#) adalah perbadanan kemanusiaan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dan telah menyokong 1,050 projek bantuan COVID-19 setakat ini di 152 buah negara. Latter-day Saint Charities memberikan sokongan kewangan kepada rakan imunisasi global terkemuka untuk pemerolehan dan penghantaran vaksinasi, memantau penyakit, bertindak balas terhadap wabak, melatih kakitangan kesihatan, dan mengembangkan program penghapusan dan pembasmian. Hasilnya merangkumi lebih banyak kanak-kanak yang diimunisasi dan lebih sedikit nyawa hilang akibat campak, rubella, tetanus ibu dan neonatal, polio, cirit-birit, radang paru-paru dan demam kuning.